

BERITA HARIAN

# BH

KHAMIS, 20 JANUARI 2000 (13 SYAWAL 1420)

40¢

ANJUNG USIA

**PANTUN  
JADI DARAH  
DAGING**



13

SANTAI

**RAHIM  
RAZALI  
BAKAL ARAH  
FILEM LAGI**



12

# Pantun alat berhubung Hajah Salmah



FOTO: JOHARI RAHMAT

**Pantun jadi 'basahan' hidup:** Hajah Salmah semasa memberikan penjelasan tentang gambar beliau bersama suaminya ketika mereka baru berumah tangga.





FOTO-FOTO IHSAN CIK SALMAH YUSOFF

**Dari album kenangan masa lalu:** Majlis khatam Quran anak tunggal Hajah Salmah, Hajah Mariam. Majlis-majlis khatam Quran begini jarang diadakan di sini pada zaman ini.



**Renjis-renjis dipilis:** Pelamin semasa perkahwinan Hajah Salmah di Gedung Kuning sekitar tahun 1939. Zaman dulu pengantin perempuan tidak disandingkan dengan mempelai lelaki.

**B**ELIAU dikenali sebagai seorang yang bijak berpantun. Malah pantun bagi beliau, seolah-olah seperti sebahagian daripada alat perhubungan. Seseorang yang berbual dengan beliau akan terpesona melihat kepintaran beliau berpantun. Beliau akan menggunakan segala kesempatan untuk berpantun. Yang lebih mengasyikkan ialah beliau dapat mencipta pantun dalam sekelip mata.

Begitulah kelebihan Hajah Salmah Haji Yusoff, 86 tahun, salah seorang wanita yang dibesarkan di Gedung Kuning, sebuah bangunan tempat tinggal yang terletak bersebelahan dengan Istana Kampung Gelam.

"Memang di zaman muda saya, pantun sering digunakan dalam perbualan. Malah dalam sesetengah hal, pantun dijadikan alat untuk membuat teguran-teguran secara sopan.

*"Kita juga mesti banyak buat amal dan bersedekah kerana sedekah membantu memanjangkan usia kita. Jadi kalau sambut hari lahir, jangan tiup lilin dan potong kek. Tapi hulurkan sedekah dan kalau sempat, masaklah bubur putih dan bubur merah kemudian baca doa selamat."*

—Hajah Salmah.

nyai 13 orang anak.

"Memang arwah ayah saya sudah berpesan bahawa rumah itu hendak dijadikannya sebagai kediaman untuk anak cucu. Jadi apabila saya beli rumah dan pindah dari Gedung Kuning kerana kononnya hendak belajar hidup berdikari setelah berumah tangga, ayah begitu marah. Akhirnya saya terpaksa pindah semula ke Gedung Kuning.

"Masa itu, memang orang tua lebih suka anak cucunya berkumpul. Tidak macam hari ini, tak lama selepas kahwin saja dah pindah rumah sendiri," jelas beliau.

Menceritakan sedikit tentang zaman remajanya, Hajah Salmah yang selain bijak berpantun juga punya kebolehan merawat orang-orang yang tersalah urat, terseliuh atau cedera tulang dengan cara 'siram', berkata anak-anak gadis pada zaman muda beliau memang jauh berbeza daripada gadis-gadis hari ini.

Sebaik-baik mencapai usia baligh, mereka akan dipingit iaitu tidak dibebaskan keluar rumah. Tetapi beliau beruntung kerana bapanya sangat mengutamakan ilmu pengetahuan. Lantas walaupun beliau tidak sebeb gadis hari ini dari segi pergaulan, namun beliau dibenarkan bersekolah.

Cuma cita-citanya hendak menjadi doktor tidak tercapai kerana belum sempat tamat sekolah rendah, beliau sudah diberhentikan. "Tetapi saya bersyukur kerana ayah masukkan saya ke sekolah. Sekurang-kurangnya saya tak buta huruf," kata beliau.

Beliau juga masih ingat bagaimana arwah ayahnya sengaja mengupah guru khas untuk mengajar adik-beradik beliau mengaji dan pengetahuan agama. Tetapi kelas agama itu tidak dibataskan kepada keluarganya saja. Siapa saja, terutama jiran-jiran berdekatan, dibenarkan mengikutinya.

"Arwah ayah memang seorang yang dermawan. Beliau juga mengambil guru khas dari Padang, mengajar anak-anak perempuannya menjahit dan memasak. Selain itu, beliau banyak melibatkan kami dalam kerja-kerja kebajikan terutama dengan Jamiyah dan Masjid Sultan," kata Hajah Salmah ketika cuba memberikan gambaran tentang cara orang tua dulu menangani kehidupan keluarganya.

Walaupun tubuhnya sudah bongkok sedikit, tetapi Hajah Salmah masih lagi cergas. Beliau tidak menggunakan kaca mata dan pendengarannya juga masih jelas walaupun sekali-sekala beliau minta diulang soalan yang dikemukakan kepadanya.

Ditanya apakah rahsia beliau menjaga kesihatan, sambil ketawa beliau menjawab:

"Hidup ini perlu diisikan dengan amal ibadat dan jangan sombong. Itu saja. Kita mesti ingat bahawa roh dan jasad ini bukan milik kita. Ia milik Allah. Bak kata pantun:

"Halia itu tanam-tanaman. Ke barat juga condong tumbuhnya. Dunia ini pinjam-pinjaman. Akhirat juga akan sudahnya.

"Kita juga mesti banyak buat amal dan bersedekah kerana sedekah membantu memanjangkan usia kita. Jadi kalau sambut hari lahir, jangan tiup lilin dan potong kek. Tapi hulurkan sedekah dan kalau sempat, masaklah bubur putih dan bubur merah kemudian baca doa selamat.

"Kita juga harus rajin tolong orang. Kalau kita banyak menolong orang, insya-Allah hidup kita bahagia dan tenang."

Sambil memberikan petua dan nasihat itu, beliau juga memberikan pantun berikut:

*Orang Daik pulang Ke Daik  
Sampai di Daik menggulung benang  
Rupanya cantik budi bahasanya baik  
Bagaimana saya tidak terkenang-kenang*

Hajah Salmah yang hanya mempunyai seorang anak iaitu Hajah Mariam Muhammad, terus berpantun apabila ditanya tentang suaminya yang meninggal dunia pada 1984, setelah mereka berumah tangga selama 45 tahun:

*Kapal datang dari Surati  
Penuh sarat si benih padi  
Sudah hilang si jantung hati  
Tak dapat ditukar, tak dapat diganti.*

*Layang-layang terbang melayang  
Jatuh tersangkut di pohon jati  
Teringat siang terpandang-pandang  
Teringat malam termimpi-mimpi.*